

'ORANG LAWAN KETUA PARTI PATUT LETAK JAWATAN KABINET'

KUALA LUMPUR 26 April
— Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad hari ini
menegaskan bahawa orang
yang menentang ketua parti
sepatutnya meletakkan
jawatan kabinet seperti

UM 27 APR 1987

yang dilakukan di luar
negeri.
"Sepatutnya dia
meletakkan jawatan tapi ini
tidak berlaku, apa boleh
buat," kata Perdana
Menteri.

Bercakap dalam sidang
akhbar di Kompleks UMNO
lewat petang ini sebaik
sabaja Perhimpunan Agung
UMNO selesai, beliau
enggan menyatakan secara
jelas sama ada beliau akan
menggugurkan mana-mana
menteri termasuk Menteri
Perdagangan dan
Perindustrian, Tengku
Razaleigh Hamzah kerana
menentanginya dalam
perebutan jawatan Presiden
UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga
enggan mengulas
kenyataan Tengku
Razaleigh bahawa beliau
sanggup meneruskan
khidmatnya dalam kabinet
sekiranya diberikan
jawatan yang sesuai.
Mengenai rombakan
kabinet, Perdana Menteri
berkata buat masa ini
beliau belum menetapkan
jadual untuk berbuat
demikian.

Menjawab satu pertanyaan
berkaitan dengan perkara
yang sama, katanya
setakat ini beliau tidak
mempunyai apa-apa
rancangan untuk meminta
supaya semua anggota
kabinet meletakkan
jawatan bagi memberi jalan
kepada barisan kabinet
yang baru.

Ditanya sama ada beliau
akan melantik sebuah
barisan kabinet yang
seimbang yang mewakili
kedua-dua golongan yang
bertanding dalam pemilihan
yang lalu, Perdana Menteri
berkata perkara itu akan
difikirkan kerana beliau
belum membuat keputusan.

Datuk Sri Dr. Mahathir
mengulangi hasratnya untuk

LIHAT MUKA 6

'LAWAN KETUA PATUT LETAK JAWATAN'

UM 27 APR 1987

terus berkhidmat kepada parti dan negara selagi dikehendaki dan mampu berbuat demikian. Perdana Menteri juga ditanya pandangannya kenapa beliau dicabar. Katanya: "Dalam apa perkarapun mesti ada kali yang pertama, oleh kerana ia sudah berlaku, ia akan terus berlaku." Menjawab pertanyaan lain, beliau hairan kerana ada pandangan yang menyatakan beliau orang yang liberal manakala ada pula pendapat yang menyifatkannya sebagai diktator. Ditanya apa pandangannya tentang dirinya sendiri, Datuk Sri Dr. Mahathir dengan tersenyum menjawab: "Kalau itu merupakan pertanyaan, saya akan berkata sayalah orang yang paling baik." Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, rancangannya setelah diberi mandat sekali lagi ialah untuk memperkuat UMNO

dan meneruskan pentadbiran. Menurutnya, persidangan di perhimpunan itu berjalan dengan licin dan pemilihannya berlangsung dengan sempurna tanpa apa-apa masalah atau puak-puak yang berpecah. Perhimpunan tersebut, kata Presiden UMNO menunjukkan kekuatan UMNO tidak terjejas. Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa pertandingan berlaku kerana terdapat banyak pendapat di kalangan ahli. "Kalau ada 100 orang maka akan ada 100 pendapat." "Kita ambil iktibar dari apa yang terjadi," kata beliau. Pertandingan itu, tambahnya, telah menambahkan pengalaman ahli. Presiden UMNO berkata, beliau juga pernah kalah dulu di dalam pertandingan malah pernah disingkir tetapi kemudian diterima semula menganggotai

UMNO dan menjadi Perdana Menteri. Ditanya mengenai kesan pemilihan UMNO di luar negeri, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata rakyat asing memahami proses demokrasi dan ia tidak menjelaskan hubungan negara ini dengan negara-negara lain. Kepada pertanyaan sama ada beliau akan menyediakan barisan kepimpinan yang akan datang, Perdana Menteri berkata, beliau tidak membuat apa-apa persediaan kerana mereka semua adalah anggota sebuah parti. Dalam sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut ditanya berbagai soalan dan antara jawapannya ialah: ● Bahawa penerapan nilai-nilai Islam tidak akan menjejaskan rakyat bukan Islam dan nilai-nilai yang terkandung di dalam dasar itu adalah sama dengan nilai-nilai yang didokong

oleh agama lain. ● Bahawa beliau tidak mempunyai bukti berlaku sebarang kejadian politik wang. ● Cadangan supaya dibentuk jawatankuasa penasihat UMNO yang dianggotai oleh bekas-bekas Perdana Menteri perlu dikaji terlebih dulu. ● Bahawa beliau bukan ahli nujum dan tidak dapat menjangkakan pertandingan melawan ketua akan menjadi trend dalam UMNO. ● Bahawa penerapan nilai-nilai Islam akan menjadi panduan kepada UMNO. Perdana Menteri juga berkata, menteri - menteri yang dilantik dan mengangkat sumpah jawatan hendaklah berpegang kepada ikrar mereka. Turut hadir di sidang akhbar tersebut ialah Timbalan Presiden UMNO, Encik Abdul Ghafar Baba dan Setiausaha Agung, Datuk Sri Sanusi Junid.